

قتین تیتہ

PETIKAN TITAH

"BAGI tujuan kebijakan juga, beta telah pun menitahkan kementerian-kementerian yang berkenaan untuk bekerjasama dalam membangun Sistem Kebajikan Negara (SKN) yang akan dilancarkan dalam bulan Julai, insyaaAllah".
- Titah Perutusan Khas Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi.



Pelita BRUNEI

مبھدھکھن مھسھرھکھت بھرمھکھلمھت

مھنھسھن ھمھن
MANISNYA IMAN

"ALLAH Pelindung orang-orang yang beriman. Dia mengeluarkan mereka daripada kegelapan (kekufuran) kepada cahaya (keimanan)".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 257.

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.43	4.53	6.12	6.34	12.20	3.32	6.27	7.37

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 48

20 APRIL 2020 / 1441 شعبان 26

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

COVID-19 : Satu kes baharu, dua sembuh



YANG Berhormat Menteri Kesihatan (kiri) menjelaskan bahawa satu kes baharu jangkitan COVID-19 disahkan dan membawa jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini menjadi 138 orang pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri
Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 April. - Satu kes baharu jangkitan COVID-19 disahkan di negara ini yang membawa jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini menjadi 138 orang.
Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa kes 138, berumur 50 tahun ini

ialah kontak keluarga kepada Kes 33. Beliau menjalani ujian makmal pada 13 Mac 2020 lalu, iaitu semasa Kes 33 mula-mula dikesan, di mana hasil ujian beliau ialah negatif.
Beliau kemudiannya didapati positif berikutan pemeriksaan susulan bagi Kes 33 pada 18 April 2020. Beliau juga tidak mempunyai sejarah perjalanan dan tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan. Kes ini masih di dalam penyiasatan lanjut.

Ke muka 2

MUIB serahkan bantuan BND1,938,600

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 April. - Sebanyak BND1,938,600 diserahkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) bagi menjunjung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Titah Perutusan Khas baginda berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada 13 April lalu.
Ia adalah pada melaksanakan keputusan-keputusan MUIB berhubung Bantuan Kewangan MUIB kepada beberapa Kategori Peniaga / Pengusaha Kecil yang terjejas pendapatan akibat penularan wabak COVID-19 yang terdiri daripada peniaga-peniaga tamu, gerai dan pasar, pemandu-pemandu perahu, teksi, Dart dan pemandu pelancongan

(tour guide).
Majlis Penyerahan Bantuan Kewangan tersebut diadakan di Bilik Dhiyafah, Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), di sini.
MUIB melalui Kumpulan Wang Pentadbiran Am kepada Peniaga / Pengusaha yang terjejas pendapatan akibat penularan wabak COVID-19 yang berdaftar di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC); juga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Ke muka 4

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn infodept_bn

Berita Utama



KERJA pembersihan terus dilaksanakan secara bersepadu

Muka 7



BUDAYAKAN amalan menjaga kebersihan

Muka 8



KEMPEN pembersihan gerai, tamu di Daerah Temburong

Muka 11



PERSIAPAN menjelang Ramadan

Muka 22

STATISTIK TERKINI COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 19 APRIL 2020, 5:00 petang


JUMLAH KES JANGKITAN 138

JUMLAH KEMATIAN 1

JUMLAH KES YANG SEMBUH 115

TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19

148





YANG Berhormat Menteri Kesehatan semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesehatan.

Dari muka 1

Menteri Kesehatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menjelaskan perkara itu pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesehatan, di sini.

YANG Berhormat menekankan mengenai terdapatnya sesetengah orang awam yang mengadakan perhimpunan beramai-ramai di tempat-tempat awam, seperti di taman dan hutan rekreasi, Kementerian Kesehatan tegasnya, mengingatkan sekali lagi kepada orang ramai bahawa sebarang aktiviti yang melibatkan perkumpulan ramai di tempat-tempat awam, terutama sekali di taman dan hutan rekreasi, pantai-pantai dan tasik-tasik adalah tidak dibenarkan sama sekali.

COVID-19 : Satu kes baharu, dua sembuh

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Menurut Yang Berhormat, dua kes aktif disahkan sembuh daripada COVID-19, menjadikan jumlah keseluruhan yang sembuh menjadi 115 orang. Ini membawa jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini menjadi 22 kes.

Daripada jumlah tersebut, katanya dua daripadanya masih dalam keadaan kritikal dan kedua-duanya memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ExtraCorporeal Membrane Oxygenation - ECMO), di samping bantuan mesin pernafasan. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

"Pada hari ini juga, seramai 125 orang sedang menjalani kuarantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204, manakala jumlah keseluruhan mereka yang menamatkan tempoh kuarantin ialah sebanyak 2,408 orang," tambahnya.

Dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 218 sampel lagi, ujar Yang Berhormat diuji bagi virus SARS-CoV-2, yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 menjadi 11,472 ujian.

Mengenai dengan kes yang sembuh, tetapi didapati positif semasa pemeriksaan susulan, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa dua lagi kes sedemikian dikesan, manakala seorang daripada mereka yang sedang berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan dibenarkan pulang.

Jumlah keseluruhan kes sedemikian pada masa ini ialah sebanyak 18 orang, di mana 13 orang masih menjalani pemeriksaan dan ujian lanjut.

Dalam pada itu, Yang Berhormat menekankan mengenai terdapatnya sesetengah orang awam yang mengadakan perhimpunan beramai-ramai di tempat-tempat awam, seperti di taman dan hutan rekreasi, Kementerian Kesehatan tegasnya, mengingatkan sekali lagi kepada orang ramai bahawa sebarang aktiviti yang melibatkan perkumpulan ramai di tempat-tempat awam, terutama sekali di taman dan hutan rekreasi, pantai-pantai dan tasik-tasik adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Yang Berhormat juga menyeru orang ramai agar melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan kerana kes baharu pada hari ini membuktikan negara kita masih lagi berada di bawah ancaman wabak COVID-19 dan kita perlu untuk terus berjaga-jaga dan tidak leka juga sentiasa mematuhi arahan-arahan dan nasihat yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesehatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesehatan 148 atau melalui aplikasi healthinfo.gov.bn.

Dari Sidang
Pengarang.

20 APRIL 2020 BERSAMAAN 1441 شعبان 26

TANGANI PENULARAN, PATUHI PENJARAKAN

NEGARA Brunei Darussalam masih berdepan dengan penularan wabak COVID-19 sama seperti negara lain di dunia ini. Penularan wabak ini bukan satu yang dijangkakan, namun ia melanda tanpa dijangka dan bukan hanya melibatkan goncangan hebat kepada dunia perubahan, bahkan kepada ekonomi dan sosial dunia.

Dalam menangani penularan wabak ini, pastinya memerlukan kepada kerjasama dan rasa tanggungjawab semua. Jika ia hanya ditangani oleh satu pihak tertentu, walau sehebat mana teknologi perubahan dan perancangan yang disediakan ia tidak akan berjaya.

Akibatnya, semua yang dirancang akan terlepas begitu sahaja, penangan penularan wabak tidak akan berjaya hingga bila-bila, bahkan tidak akan dapat dihapuskan sepenuhnya. Apakah ini harapan kita?

Jangan hanya mementingkan diri sendiri, cuma perlu diingat bahawa semua orang mempunyai tanggungjawab sendiri juga, jangan hanya bercakap tanpa berbuat apa, malah hanya memandang wabak COVID-19 ini sebagai masalah remeh, kecil dan tidak merbahaya.

Jangan mengejar akan kegembiraan semata, ingat akan kemudian hari jua, alhamdulillah walau kadar jangkitan positif menurun sejak ia mula melanda negara, namun perlu diingat dan jangan leka, lalai apalagi alpa, perlu juga diingat bahawa kita masih berdepan dengan pelbagai kemungkinan dalam menangani penularan wabak ini jua.

Negara kita masih berjuang dalam menangani penularan wabak COVID-19 dan berputus asa. Ingat akan *frontliners* kita, usaha dan sokongan yang mereka telah dan sedang berikan kepada kita juga negara. Jangan biarkan segala usaha dan sokongan mereka terbuang sia-sia begitu sahaja. Tingkatkan kesedaran dan tanggungjawab kita dalam menangani penularan wabak COVID-19 bersama, iaitu dengan mengutamakan kebersihan diri kita, keluarga, menjaga penjarakan sosial dan mengelakkan perhimpunan ramai (*mass gathering*) sentiasa.

Kementerian Kesehatan mengingatkan orang ramai bahawa sebarang aktiviti yang melibatkan perkumpulan ramai di tempat-tempat awam, terutama sekali di taman dan hutan rekreasi, pantai-pantai dan tasik-tasik adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Orang ramai turut diseru agar melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan kerana kes baharu yang dicatatkan membuktikan negara kita masih lagi berada di bawah ancaman wabak COVID-19 dan kita perlu untuk terus berjaga-jaga, tidak leka dan sentiasa mematuhi arahan-arahan juga nasihat yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan.

Ingat semua pihak memainkan peranan yang penting dalam sama-sama menangani wabak COVID-19 ini. Jangan hanya menyerahkan tugas tanggungjawab kepada pihak tertentu cuma, manakala pihak lainnya hanya berlepas tangan dan berlalu begitu sahaja. Kita tinggal di sebuah negara yang sememangnya terkenal dengan budi pekerti, amalan budaya terpuji dan sopan santun yang tinggi, dikatakan diwarisi turun-temurun sejak dahulu kala lagi.

Berikan sokongan dan laksanakan tugas tanggungjawab masing-masing dalam sama-sama menangani penularan wabak COVID-19 kerana ia memerlukan kerjasama daripada semua dan bukannya segelintir pihak tertentu sahaja. Jangan biar semua terkena akan kesan juga akibatnya, hasil daripada tingkah laku kita.

Sama-sama beringat bahawa tugas dan tanggungjawab menangani wabak COVID-19 perlu diutamakan, ia perlu dilaksanakan bersama-sama dan jika kita berjaya, insyaaAllah semua akan terima jua kesannya, jangan hanya memandang pada jangka masa pendek cuma, perlu diingat jua akan akibat dan kesan di jangka masa panjang juga.

Isi masa dengan perkara yang dijangkakan bermanfaat jua, inilah masa kita berkumpul bersama keluarga, inilah masa kita menebus waktu terlepas dengan kesibukan tugas harian selalunya bersama keluarga tercinta, amalkan sikap tolah ansur, berbudi bahasa sesama, banyakkan berdoa dan membaca surah, dikir dan amalan lazimnya, semoga negara kita sentiasa terpelihara dan sentiasa dalam rahmat Allah Subhanahu Wata'ala jua, semoga Ramadan bakal membawa keberkatan berpanjangan kepada negara kita dan semuanya, aamiin. - **Ketua Penyuntingan (NB).**

Jangan buka gelang pemantauan!

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 April. - Menteri Kesehatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar mengingatkan agar mereka yang menjalani pengasingan diri supaya tidak membuka gelang pemantauan.

Yang Berhormat semasa sesi soal jawab bersama media-media tempatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam di Dewan Al-'Afiah,

Darussalam di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesehatan juga menegaskan bahawa gelang tersebut turut memberi amaran (*alert*) kepada Polis kerana ia di bawah pemantauan pihak Polis.

Sementara langkah yang dibuat bagi memastikan mereka yang menjalankan pengasingan diri di rumah supaya tidak keluar rumah, Yang Berhormat menjelaskan, mereka yang dikuarantin ini

akan diberikan gelang bermula selepas mereka menjalani ujian *swab*.

Menurut Yang Berhormat lagi, tempoh kuarantin dipanjangkan daripada tujuh hari menjadi dua minggu bagi memantau mereka.

Justeru, Yang Berhormat menegaskan agar mereka yang dikuarantin tidak melanggar arahan pengasingan diri COVID-19.

RAMALAN CUACA 3 HARI

ISNIN	SELASA	RABU	
BANDAR SERI BEGAWAN	31 25 °C	32 25 °C	32 24 °C
PEKAN BANGAR	31 25 °C	30 25 °C	31 24 °C
PEKAN TUTONG	31 25 °C	31 26 °C	31 25 °C
KUALA BELAIT	31 26 °C	31 25 °C	32 26 °C

Wallahualam Blesawab
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.mee.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi APRIL	HARI	Hijrah SYAABAN	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
20	ISNIN	26	4.43	4.53	6.12	6.34	12.20	3.32	6.27	7.37
21	SELASA	27	4.42	4.52	6.11	6.34	12.20	3.33	6.27	7.37
22	RABU	28	4.42	4.52	6.11	6.34	12.20	3.33	6.26	7.37
23	KHAMIS	29	4.41	4.51	6.11	6.34	12.20	3.33	6.26	7.37
24	JUMAAT	1 RAMADAN	4.41	4.51	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.37
25	SABTU	2	4.41	4.51	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.37
26	AHAD	3	4.40	4.50	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.38

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **AMBULANS 991** | **POLIS 993** | **BOMBA 995** | **PENYELAMAT 998**

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDCM 2380214

COVID-19 : Satu kes baharu disahkan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 April. - Satu kes baharu jangkitan COVID-19 disahkan di negara ini yang membawa jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini menjadi 137 orang.

Kes 137, berumur 31 tahun, isteri kepada Kes 109 dan mempunyai kaitan dengan kluster Kes 73. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan dan tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.

Demikian yang dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar dalam Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19, di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Sementara itu, jelas Yang Berhormat, satu kes aktif disahkan sembuh daripada COVID-19, menjadikan jumlah keseluruhan yang sembuh kepada 113 orang.

Ini membawa jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini menjadi 23 kes. Daripada jumlah tersebut, dua daripadanya masih dalam keadaan kritikal dan kedua-duanya memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ExtraCorporeal Membrane Oxygenation - ECMO), di samping bantuan mesin pernafasan. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

Pada hari ini juga, tambahna, seramai 85 orang sedang menjalani kuarantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204, manakala jumlah keseluruhan mereka yang menamatkan tempoh kuarantin ialah sebanyak 2,407 orang.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 165 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 menjadi 11,254 ujian.

Yang Berhormat juga memaklumkan bahawa lima lagi kes yang sembuh dimasukkan semula ke Pusat Pengasingan Kebangsaan setelah didapati positif semasa pemeriksaan susulan.

Jumlah tersebut membawa jumlah keseluruhan kes yang sedemikian sebanyak 16 orang. Daripada jumlah tersebut, empat orang dibenarkan pulang ke rumah, manakala 12 orang sedang menjalani pemeriksaan dan ujian lanjut.

Menurutnya, kes baharu pada hari ini membuktikan negara kita masih lagi berada di bawah ancaman wabak COVID-19 dan kita perlu untuk terus berjaga-jaga dan tidak leka juga sentiasa mematuhi arahan dan nasihat yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan.

"Oleh dengan itu, Kementerian Kesihatan sekali lagi ingin mengingatkan kepada orang ramai untuk terus menerus melaksanakan

tanggungjawab sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan.

Terutama sekali sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal (*physical distancing*) dengan mengelakkan dan menjauhi daripada beramai-ramai mengunjungi ke gedung-gedung perniagaan, tamu-tamu, pasar-pasar, kedai-kedai runcit, seperti yang disarankan," ujarnya.

Di samping itu, katanya, mematuhi larangan perkumpulan ramai (*mass gathering*) dan melakukan amalan kebersihan diri dan persekitaran pada setiap masa.

Orang ramai juga diingatkan untuk membuang *disposable facemask* yang telah digunakan dengan cara yang betul, iaitu ke dalam tong sampah dan tidak dibuang di merata tempat. Ini adalah untuk mengelakkan jangkitan dan menjaga kebersihan bersama.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa Sidang Media tersebut.

ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi healthinfo.gov.bn.

"Oleh dengan itu, Kementerian Kesihatan sekali lagi ingin mengingatkan kepada orang ramai untuk terus menerus melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan.

Terutama sekali sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal (*physical distancing*) dengan mengelakkan dan menjauhi daripada beramai-ramai mengunjungi ke gedung-gedung perniagaan, tamu-tamu, pasar-pasar, kedai-kedai runcit, seperti yang disarankan".

Kiraan sifar 28 hari ditetapkan semula

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 April. - Kes baharu jangkitan wabak COVID-19 yang dicatatkan pada hari ini membuktikan bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) masih lagi berada di bawah ancaman jangkitan wabak berkenaan.

Oleh yang demikian, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar semasa sesi soal jawab pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan di sini berkata, bahawa kiraan sifar 28 hari untuk mengurangkan sekatan COVID-19 akan ditetapkan semula berikutan satu kes pertama penularan tempatan dalam masa dua minggu.

Terdahulu, Menteri Kesihatan dalam kenyataan Sidang Media sebelum ini juga ada menjelaskan bahawa NBD mungkin akan menarik beberapa sekatan tertentu setelah 28 hari laporan sifar jangkitan COVID-19 baharu dan perkara tersebut tergantung juga kepada keadaan semasa COVID-19 di luar negara.

MAKLUMAT PENTING COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MUIB serahkan bantuan BND1,938,600

Bagi menjunjung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Titah Perutusan Khas baginda berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada 13 April lalu, sebanyak BND1,938,600 diserahkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) bagi melaksanakan keputusan-keputusan MUIB berhubung Bantuan Kewangan MUIB kepada beberapa Kategori Peniaga / Pengusaha Kecil yang terjejas pendapatan akibat penularan wabak COVID-19, yang terdiri daripada peniaga-peniaga tamu, gerai dan pasar, pemandu-pemandu perahu, teksi, Dart dan pemandu pelancongan (*tour guide*).

Negara tetapkan semula kiraan sifar 28 hari

Dengan catatan kes baharu jangkitan wabak COVID-19 yang dicatatkan pada 18 April 2020 yang menyebabkan bahawa kiraan sifar 28 hari untuk mengurangkan sekatan COVID-19 ditetapkan semula, berikutan ia adalah kes pertama penularan tempatan dalam masa dua minggu.

Berdasarkan kes tersebut membuktikan bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) masih lagi berada di bawah ancaman jangkitan wabak COVID-19.

Berdasarkan kenyataan Sidang Media Menteri Kesihatan sebelum ini juga ada menjelaskan bahawa NBD mungkin akan menarik beberapa sekatan tertentu setelah 28 hari laporan sifar jangkitan COVID-19 baharu dan perkara tersebut tergantung juga kepada keadaan semasa COVID-19 di luar negara.

Perhimpunan beramai di tempat awam tidak dibenarkan!

Kementerian Kesihatan mengingatkan orang awam bahawa mengadakan perhimpunan beramai-ramai di tempat-tempat awam, seperti taman dan hutan rekreasi, pantai-pantai dan tasik-tasik adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Orang ramai juga diseru agar melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan kerana kes baharu yang dicatatkan membuktikan negara kita masih lagi berada di bawah ancaman wabak COVID-19 dan perlu untuk terus berjaga-jaga juga tidak leka, sentiasa mematuhi arahan-arahan dan nasihat yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan.

Kempen Pembersihan tangani penularan wabak COVID-19

Bagi mempertingkatkan lagi langkah-langkah kewaspadaan dan membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam dan demi kesejahteraan, keselamatan orang awam serta berpandukan kepada nasihat Kementerian Kesihatan; Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan-jabatan Bandaran dan Jabatan-jabatan Daerah mengadakan Kempen Pembersihan Premis Pasar / Gerai / Tamu di seluruh negara bermula 15 April 2020.

Kempen Pembersihan Premis Pasar / Gerai / Tamu di seluruh negara ini melibatkan semua pasar, gerai dan tamu di bawah kawalan Jabatan-jabatan Daerah dan Jabatan-jabatan Bandaran di semua daerah.

Kempen Pembersihan ini dianjurkan bersama oleh Jabatan-jabatan Daerah dan Jabatan-jabatan Bandaran, dengan penglibatan dari Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) serta sukarelawan.

Para peniaga pasar / gerai / tamu dinasihatkan agar memberikan kerjasama dan mengikut arahan yang diberikan dalam memastikan kempen kebersihan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Kempen berkenaan adalah salah satu inisiatif Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dalam memastikan persekitaran yang bersih dan selamat.

Patuhi pemakaian gelang pemantauan

Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengingatkan mereka yang menjalani pengasingan diri supaya tidak membuka gelang pemantauan kerana gelang tersebut turut memberi amaran (*alert*) kepada Polis kerana ia di bawah pemantauan pihak Polis.

MUIB serahkan bantuan BND1,938,600



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika menerima Wang Bantuan Kewangan MUIB daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama bagi Peniaga / Pengusaha yang terjejas pendapatan akibat penularan wabak COVID-19.

Dari muka 1

MUIB mempunyai beberapa Kumpulan Wang yang ditadbir sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta MUIB dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77, iaitu Kumpulan Wang Pentadbiran Am, Kumpulan Wang Zakat dan Kumpulan Wang Wakaf MUIB.

Bantuan Kewangan MUIB yang diberikan kepada Peniaga / Pengusaha yang terjejas pendapatan akibat penularan Wabak COVID-19 ini adalah daripada Kumpulan Wang Pentadbiran Am, MUIB, iaitu wang kutipan hasil perkhidmatan agama, seperti Mahkamah-Mahkamah Syariah, bayaran sivil dan Permit Halal, faedah

bank (*interest*), penjualan dan pengambilan balik tanah kerajaan, sewa tanah, sewa kedai, wang yang diserahkan kepada Baitul Mal dan harta yang tidak bertuan.

Penyerahan bantuan kewangan diserahkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Yang Di-Pertua MUIB kepada Menteri-menteri dari Kementerian-kementerian yang terlibat, iaitu Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyerahkan Wang Bantuan kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Apong; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong; Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Othman Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka

Haji Abidin.

Bantuan Kewangan kemudian akan disampaikan kepada mana-mana pihak yang disenaraikan oleh kementerian masing-masing.

Jumlah keseluruhan penerima seramai 2,154 peniaga atau pengusaha kecil yang terjejas pendapatan mereka, di mana setiap seorang akan menerima sebanyak BND900, iaitu BND300 yang akan dibayar bagi tempoh tiga bulan.

Bantuan tersebut diberikan kepada peniaga / pengusaha kecil

yang terjejas, termasuk yang bukan beragama Islam, dengan mengambil kira kesan pemberian kepada mereka adalah baik kepada orang Islam dan agama Islam.

Jumlah Bantuan Kewangan MUIB yang diserahkan kepada KHEDN ialah sebanyak BND1,719,000, iaitu bagi 1,910 orang peniaga atau pengusaha kecil yang terjejas, iaitu peniaga tamu, gerai dan pasar.

Jumlah Bantuan Kewangan MUIB yang diserahkan kepada KSSUP ialah sebanyak BND72,900 iaitu bagi 81 pemandu pelancongan (*tour guide*).

Jumlah Bantuan Kewangan MUIB yang diserahkan kepada MTIC ialah sebanyak BND104,400, iaitu bagi 116 pemandu teksi, Dart dan perahu tambang.

Jumlah Bantuan Kewangan MUIB yang diserahkan kepada KKBS ialah sebanyak BND42,300, iaitu bagi 47 peniaga kecil-kecilan.

Senarai para peniaga / pengusaha yang terjejas pendapatan akibat penularan wabak COVID-19 ini adalah hasil daripada penelitian satu Taskforce yang dilantik oleh MUIB, iaitu bagi mengenal pasti golongan peniaga yang layak diberikan bantuan berkaitan penularan wabak COVID-19, dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap KHEDN dan ahli-ahlinya, dianggotai oleh beberapa Setiausaha Tetap, Pegawai-pegawai Daerah, Pengerusi-pengerusi Lembaga Bandaran juga agensi-agensinya berkaitan.



جابتن فرانتشن ايكونومي دان ستاتستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN PERSAINGAN DAN HAL EHWAL PENGGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Senarai harga topeng muka & pembersih tangan di aplikasi

PenggunaBijak

Dikemaskini pada 16 April 2020









YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyerahkan Wang Bantuan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyerahkan Wang Bantuan kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

JPES keluarkan Laporan KTK 2019

Siaran Akhbar dan Infografik :
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

LABOUR FORCE SURVEY 2019

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 April. - Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengeluarkan Laporan Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2019 yang berasaskan data muktamad daripada hasil kajian tersebut.


KTK 2019 dikendalikan mulai dari 14 Oktober hingga 10 November 2019 yang lalu.

Objektif utama KTK 2019 ialah untuk mengumpulkan maklumat terkini mengenai saiz, struktur, taburan dan ciri-ciri tenaga kerja, pekerjaan, pengangguran dan lain-lain ciri-ciri ekonomi penduduk yang akan digunakan dalam membantu perancangan, penyelidikan, penyediaan dasar dan pengurusan tenaga kerja.

Kajian ini meliputi kira-kira 3,200 buah keluarga terpilih di seluruh negara yang menggunakan kaedah pensampelan yang sistematik dan metodologi yang digunakan oleh International Labour Organisation (ILO). Data yang diperoleh daripada keluarga tersebut disesuaikan melalui proses *extrapolation and calibration* bagi menghasilkan anggaran seluruh penduduk yang tinggal dalam isi rumah biasa di Negara Brunei Darussalam. Hasil KTK 2019 menunjukkan bahawa terdapat kira-kira 94,600 buah keluarga atau isi rumah dan seramai 370,000 orang berumur yang 15 tahun ke atas.

Antara lain inti sari yang dimuatkan dalam laporan ini adalah seperti berikut:

- Pada tahun 2019, kadar penyertaan tenaga kerja menurun kepada 64.3 peratus daripada 65.4 peratus pada tahun 2018. Kadar penyertaan bagi lelaki adalah lebih tinggi sebanyak 72.5 peratus berbanding dengan perempuan 54.8 peratus.
- Jumlah penduduk yang bekerja adalah seramai 221,700 orang, terdiri dari 135,800 orang lelaki (61.3 peratus) dan 85,900 orang perempuan (38.7 peratus).
- Daripada jumlah penduduk yang bekerja, pekerja tempatan merupakan bahagian terbesar sebanyak 66.5 peratus (147,400 orang), manakala sebanyak 33.5 peratus



Sumber: Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES)

Source: Department of Economic Planning and Statistics (DEPS)

- (74,300 orang) adalah pekerja asing.
- Taburan penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan adalah seperti berikut :
 - Pekerja sebanyak 91.0 peratus (201,800 orang);
 - Bekerja Sendiri sebanyak 5.5 peratus (12,100 orang);
 - Majikan sebanyak 2.7 peratus (6,000 orang); dan
 - Pekerja Keluarga sebanyak 0.8 peratus

- (1,800 orang).
- Seramai 74,900 orang (33.8 peratus) bekerja di sektor kerajaan yang termasuk aktiviti pentadbiran awam dan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan seperti pendidikan, kesihatan, elektrik dan air. Manakala, seramai 146,800 orang (66.2 peratus) bekerja di sektor swasta.
- Jenis aktiviti ekonomi yang meliputi kedua-dua sektor kerajaan dan swasta

menunjukkan bahawa pentadbiran awam menyumbang bahagian terbesar iaitu sebanyak 19.0 peratus (42,000 orang). Ini diikuti oleh perdagangan borong dan runcit sebanyak 16.0 peratus (35,500 orang) dan aktiviti penginapan dan perkhidmatan makanan sebanyak 9.6 peratus (21,300 orang).

- Taburan penduduk bekerja mengikut jenis pekerjaan pula adalah seperti berikut :
 - Pekerja perkhidmatan dan jualan menyumbang bahagian terbesar iaitu sebanyak 20.2 peratus (44,900 orang);
 - Pekerja profesional sebanyak 17.5 peratus (38,800 orang); dan
 - Pekerjaan asas sebanyak 15.8 peratus (35,000 orang).

• Purata pendapatan sebulan dari semua pekerjaan pada tahun 2019 adalah BND1,626.00 bagi seorang, berbanding BND1,593.00 pada tahun 2018. Pekerja tempatan memperoleh pendapatan yang lebih tinggi sebanyak BND1,812.00 secara purata, berbanding BND1,261.00 bagi pekerja asing.

• Kadar pengangguran pada tahun 2019 menurun kepada 6.8 peratus daripada 8.7 peratus pada tahun 2018. Jumlah penduduk yang menganggur adalah kira-kira seramai 16,200 orang berbanding 19,200 orang pada tahun 2018; dan



• Jumlah penduduk tempatan (Rakyat Brunei dan Penduduk Tetap) menganggur yang berumur 18 tahun dan ke atas adalah seramai 15,600 orang, di mana 38.4 peratus (6,000 orang) berumur 18 hingga 24 tahun; dan lebih dari separuh (61.6 peratus atau 9,600 orang) berumur di antara 25 hingga 64 tahun.

JPES ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua keluarga yang terpilih atas kerjasama yang diberikan sepanjang tempoh kajian.

Laporan Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2019 boleh didapati melalui laman sesawang JPES. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah dirujuk ke JPES dengan menghubungi talian atau melayari laman sesawang seperti berikut : telefon : +673 2230265 atau +673 2230250 (pada waktu pejabat), e-mel : info.statistics@jpes.gov.bn dan laman sesawang : www.deps.gov.bn.

Sumber: Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES)

Source: Department of Economic Planning and Statistics (DEPS)



COVID-19 : Segelintir masyarakat masih bersikap tidak bertanggungjawab!



ORANG ramai adalah dilarang berkunjung dan beriadah di tempat awam seperti di taman dan hutan rekreasi, pantai-pantai dan tasik-tasik bagi sama-sama membendung wabak COVID-19 (atas dan bawah).

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 April. - Pada saat negara masih mengalami hambatan pandemik COVID-19, pelbagai usaha masih diterapkan oleh pihak kerajaan bagi memupuk kesedaran orang ramai akan betapa pentingnya larangan terhadap sebarang aktiviti perhimpunan serta penjarakan sosial.

Arahan yang dikeluarkan adalah harus dipatuhi dan diikuti secara

tertib bagi membantu kerajaan menanganinya dengan lebih efektif dan berkesan. Saranan dan nasihat pihak kerajaan ini juga amatlah penting bagi memastikan rantai penularan wabak ini ditamatkan dan terputus daripada merebak lebih jauh lagi dalam kalangan orang ramai.

Walau bagaimanapun, amat mendukacitakan apabila terdapat segelintir orang ramai yang masih

memandang ringan dan remeh akan larangan-larangan kerajaan terhadap situasi yang dihadapi negara pada masa ini.

Maklumat terkini yang diperolehi ialah berkenaan beberapa gambar yang tular di media sosial yang mempamerkan gambar lokasi di suatu tempat taman rekreasi yang menjadi tumpuan orang ramai bagi mengadakan aktiviti perkumpulan dan riadah. Hal ini merupakan sikap yang tidak bertanggungjawab dan sekali gus mencerminkan sikap ketidakpedulian terhadap usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan dalam mengekang wabak COVID-19 ini.

Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin mengingatkan kepada orang ramai bahawa barang siapa yang didapati melanggar undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204, jika sabit kesalahan, boleh membawa denda sehingga BND10,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali (kesalahan pertama), manakala bagi kesalahan kedua atau seterusnya, jika sabit kesalahan boleh membawa denda sehingga BND20,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Sedekah Pembuka Pintu Rezeki'. Tarikh Tutup : 22 April 2020
2. 'Rebutlah Ganjaran Menyemarakkan Ramadan'. Tarikh Tutup : 29 April 2020
3. 'Utamakan Membaca Al-Quran Setiap Hari'. Tarikh Tutup : 6 Mei 2020

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



Corporate Social Responsibility:

Printmartz
Advertising

Apakah yang dimaksudkan dengan PERINTAH KURANTIN (QO)?

Satu perintah undang-undang yang dikeluarkan kepada individu untuk mengasingkan diri bagi menjalani kurantin; iaitu

- individu yang dijangkiti atau disyaki dijangkiti penyakit berjangkit
- ATAU
- individu yang berkontak dengan yang disahkan positif



Sila rujuk garispandu mengenai pengasingan diri bagi apa yang dibenarkan dan tidak dibenarkan

Mana-mana individu yang sedang dikurantin dan tidak mematuhi Perintah Kurantin ini boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggal 204). Jika sabit kesalahan, boleh didenda sehingga \$10,000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali

Jika awda atau mana-mana ahli keluarga yang tinggal serumah dengan individu yang menjalani Perintah Kurantin mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan seperti demam dan kesukaran bernafas, sila hubungi HAL 148 untuk mendapatkan nasihat dan bantuan lanjut



Corporate Social Responsibility:

Printmartz
Advertising

Apakah yang dimaksudkan dengan PENGASINGAN DIRI?

Ini adalah sejenis kurantin yang dijalankan di rumah

- Mana-mana individu yang sedang menjalani Pengasingan Diri adalah dimestikan untuk berada di rumah sepanjang masa
- Tidak dibenarkan mengundang tetamu untuk datang ke rumah
- Dinasihatkan untuk tidak berhubung rapat dengan ahli keluarga bagi mengelakkan kemungkinan menjangkiti yang lain



- Rujuk kepada garispandu Pengasingan Diri di: www.moh.gov.bn

Jika awda atau mana-mana ahli keluarga yang tinggal serumah dengan individu yang menjalani Perintah Kurantin mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan seperti demam dan kesukaran bernafas, sila hubungi HAL 148 untuk mendapatkan nasihat dan bantuan lanjut



Corporate Social Responsibility:

Printmartz
Advertising

Bagi mereka yang menjalani PEMANTAUAN DIRI:

- Kekal berada di rumah sendiri sebanyak mungkin
- Kurangkan jumlah pelawat ke rumah
- Ketahui orang-orang yang berhubung rapat dengan awda
- Pantau suhu badan sendiri 2 kali sehari (contohnya jam 8 pagi dan jam 8 malam)



- Boleh keluar rumah hanya bagi mendapatkan keperluan harian dan perkara penting sahaja, TETAPI dikehendaki untuk tidak berada lama di tempat awam atau mendekati orang lain

Jika awda atau mana-mana ahli keluarga yang tinggal serumah dengan individu yang menjalani Perintah Kurantin mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan seperti demam dan kesukaran bernafas, sila hubungi HAL 148 untuk mendapatkan nasihat dan bantuan lanjut

Kerja pembersihan terus dilaksanakan secara bersepadu



PEGAWAI Daerah Tutong (tengah) bersama kakitangan Jabatan Daerah Tutong dan Sukarelawan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) melakukan pembersihan gerai Kampung Long Mayan sebagai satu inisiatif KHEDN bagi membendung penularan wabak COVID-19 di premis-premis jualan seluruh negara (atas). Manakala gambar kiri, ahli PPNBD semasa menyertai kempen tersebut.

TUTONG, Sabtu, 18 April. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) melalui Jabatan Daerah Tutong meneruskan lagi usaha pembersihan premis

Dapatkan maklumat terkini mengenai situasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam melalui Telegram rasmi GOV.BN <https://t.me/govbnoofficial> atau imbas QR code

gerai di Kampung Long Mayan sebagai salah satu inisiatif untuk membendung penularan wabak COVID-19 di seluruh negara.

Kempen Pembersihan tersebut melibatkan semua pasar, gerai dan tamu di bawah kawalan Jabatan-jabatan Daerah dan Jabatan-jabatan Bandaran di semua daerah.

Kerja-kerja pembersihan dijalankan secara bersepadu oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah Tutong juga sukarelawan Persekutuan Pengakap Negara

Berita dan Foto :
Hernie Suliana Haji Othman

Brunei Darussalam (PPNBD) turut disertai oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain.

Gerai Tamu Muafakat Kampung Long Mayan beroperasi pada setiap Ahad pada minggu pertama setiap bulan dan seperti premis gerai jualan yang lainnya, ia ditutup sementara daripada aktiviti jualan.

مقرر كنلكن اقليكاسي موده اليه جابتن قنرغن




Memperkenalkan
**Aplikasi Mudah Alih
Jabatan Penerangan**

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

Budayakan amalan menjaga kebersihan

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

BELAIT, Sabtu, 18 April. - Bagi memastikan gerai-gerai di bawah Kawalan Jabatan Daerah Belait sentiasa berkeadaan bersih dan selamat untuk digunakan oleh para penjaja dan pengunjung, Jabatan Daerah Belait meneruskan

lagi Kempen Pembersihan di Tamuneka Sungai Bera, Seria sebagai salah satu langkah pencegahan penularan penyakit-penyakit berjangkit, terutama wabak COVID-19 yang sedang melanda negara pada

masa ini.

Jabatan Kerja Raya (JKR) bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) turut serta pada kempen berkenaan.

Hadir sama mengetuai kempen tersebut, Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Mohamad Yassin bin Haji Ahmed, pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan terlibat.

Melalui aktiviti seumpama itu, diharap akan memberikan kesedaran kepada masyarakat setempat, terutama sekali penjaja-penjaja dan para pengunjung akan pentingnya dalam sama-sama menjaga kebersihan, seterusnya akan dapat membudayakan amalan menjaga

kebersihan.

Ini juga merupakan salah satu inisiatif Jabatan Daerah Belait untuk menjadikan kawasan gerai tersebut lebih bersih, indah dan bebas daripada tempat-tempat pembiakan nyamuk juga bebas daripada sebarang jangkitan penyakit.



PENOLONG Pegawai Daerah Belait, Awang Mohamad Yassin bin Haji Ahmed mengetuai Kempen Pembersihan tersebut (atas). Sementara gambar bawah, aktiviti pembersihan kawasan Tamuneka Sungai Bera, Seria.





جايبن فرانتغن ايكونومي دان ستاتيستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN PERSAINGAN DAN HAL EHWAL PENGGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Sebarang aduan berkaitan amalan
peniagaan yang tidak beretika,
sila hubungi:





 123

 info@123.com.bn

 TD123 App

 8333123





 td123bn

Tip

Pendidikan



Jom semak lima rahsia mudah ini untuk kuasai subjek Sejarah!

- **Belajar topik yang sama dengan beberapa cara yang berlainan.** Sebagai contoh, para pelajar boleh menonton video pembelajaran dalam *eduwetv* atau mana-mana saluran yang ada. Di samping itu, membaca buku teks (Gunakan 4M - Membaca, Menggaris, Menjawab dan Membaca semula).
- **Memahami kaedah menjawab Sejarah dengan FHC (Fakta + Huraian + Contoh).** Ini merupakan antara cara yang paling popular untuk menguasai sesuatu topik dengan cepat dan berkesan. Pelajar perlu menjadi kreatif dan bijak untuk memudahkan, meringkaskan dan memampatkan keseluruhan topik yang dipelajari.
- **Menulis dan meringkaskan nota sendiri.** Jangan hanya sekadar membaca buku teks dan buku rujukan sahaja. Nota sangat penting (memudahkan, meringkaskan dan memadatkan maklumat), cuba latih diri untuk menulis dan meringkaskan nota sendiri.
- **Membaca sub-topik tertentu sebelum guru mengajar.** Rata-rata pelajar lebih gemar menunggu guru mengajar daripada memulakan atau mencari maklumat sendiri. Dengan mengulang kaji terlebih dahulu, apa yang pelajar tidak faham boleh dikemukakan pada guru.
- **Proses ulang kaji yang berulang kali dan berterusan.** Disiplinkan diri untuk sentiasa mengulang kaji topik yang dipelajari berulang kali. Proses ulang kaji yang berulang kali ini akan menjadikan memori yang disimpan menjadi semakin kuat dan kekal lama.

PUISI

ALLAH YANG MAHA BESAR
ALLAH YANG MAHA BERKUASA

ILAH!

CubaanMu mengatasi capaian ma'rifat
DugaanMu melebihi jangkauan firasat
Betapa agung namaMu
Betapa perkasa kuasaMU
Betapa luasnya hikmat dan rahsia tindakanMu
CubaanMu - peringatan
DugaanMu - amaran

Tetapi!

Lihatlah betapa indahnya
Renungkanlah betapa cantiknya
Hikmat peringatanMu
Rahsia dugaanMu
Bahawa kami adalah hamba-hambaMu
Begitu kerdil
Begitu lemah
Begitu kurang, malah kosong
Hanya dengan makhluk senimu
Hanya dengan sebesar zarah tenteraMu
Sepelusuk dunia
Dari sebesar-besar kuasa
Dari sekuat-kuat bala tentera
Dari seramai-ramai rakyat jelata
Semuanya sujud, lemah tiada bermaya
Tiada berdaya
Tekapar-kapar mencari penawar
Tegapa-gapa mengunjar ubat
Tepinga-pinga mengakas pementan

Namun kuasaMu mengatasi semua
Kudrat iradatmu berlaku jua
Kami tiada kuasa hanya tawakal dan doa
Hanya sabar dan usaha
Duniapun tiada punya apa
Baru merangka, akan mencipta
Tapi KAULah yang menentukannya

Betapa cantiknya hikmat ini
Selalukan cuci tangan
Utamakan kebersihan
Bukankah kita disuruh berwudhu selalu
Untuk bersembahyang dan baca Quran
Bahkan sentiasa berwudhu itu pahalanya berterusan

Berjabat tangan hindarkan
Amalkan penjarakan
Tetaplah dan diamlah di rumah
Hindarkan musibah terjauh fitnah

ILAH!

Maha suci zatMu
Maha bijaksana tadbiranMu
Maha adil hukumMU

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang
Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud
Rumah Imtiaz
13 April 2020

Kes tipu, dua lelaki diberkas

Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei

BERAKAS, Sabtu, 18 April. - Dua orang lelaki diberkas kerana dipercayai terlibat dengan laporan kes tipu berkaitan urusan jual beli telefon bimbit yang berlaku di kawasan Serusop.

Bertindak atas maklumat yang diperolehi, keanggotaan Balai Polis Berakas, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menjalankan siasatan hingga berhasil menahan dua orang lelaki warga tempatan dipercayai terlibat dengan kegiatan penipuan.

Suspek pertama, bernama Muhammad Nur' Hafiz bin Haji

Mohamad Yusof, berumur 25 tahun, manakala suspek kedua, bernama Md. Amirul Zaim bin Zulkifli, berumur 18 tahun. Kedua-dua suspek tidak mempunyai sebarang pekerjaan.

Menurut siasatan awal, mangsa dan suspek pertama membuat perundingan jual beli telefon bimbit di dalam platform media sosial Facebook, kemudian membuat perjumpaan di kawasan Serusop.

Semasa urusan jual beli, suspek pertama (pemandu) ada membuat pemeriksaan ke atas telefon bimbit mangsa di dalam kereta suspek ditemani oleh suspek kedua (penumpang), manakala mangsa berada di luar kereta.

Mangsa kemudian berasa curiga terhadap urusan tersebut lalu membuat tindakan dengan berdiri di hadapan kereta suspek dan tanpa disedari oleh mangsa, suspek pertama segera memandu keretanya bertujuan untuk melarikan diri bersama telefon bimbit mangsa. Semasa kejadian tersebut, mangsa mendapat kecederaan ringan di bahagian kedua lutut akibat dilanggar oleh kereta suspek.

Kedua-dua suspek dihadapkan ke Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan dan hasil daripada sebutan kes, tertuduh pertama dijatuhkan hukuman pemenjaraan selama sembilan bulan di Penjara Maraburong bermula pada 18



REPORT TANGKAPAN
BERHUBUNG
BKS/CR/587/2020

SUSPEK dipercayai terlibat dengan kegiatan penipuan.

April 2020 atas pertuduhan di bawah Seksyen 420 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22, iaitu menipu dan mendorong secara tidak jujur supaya diserahkan harta.

Manakala tertuduh kedua dilepaskan dan diberi amaran keras atas sebab tidak ada niat dan penglibatan terhadap perlakuan tertuduh pertama.

Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin mengingatkan dan menegaskan kepada orang ramai agar lebih berhati-hati dengan kegiatan yang melibatkan urusan jual beli melalui platform media sosial kerana ia mungkin sahaja perangkap yang akan mendatangkan kerugian.



TELEFON bimbit yang dicuri oleh suspek.

سومبڠان

SUMBANGAN PANDU LALU

Untuk orang-orang yang memerlukan.

TEMPAT:
**STADIUM TERTUTUP
KOMPLEKS SUKAN NEGARA
HASSANAL BOLKIAH**

JAM:
**8 PAGI - 5 PTG (SETIAP HARI)
JUMAAT (9-11 PAGI - 2-5 PTG)**

+673 816 3461

SUKARELAWAN BELIA

Bowl brush • Clorox • Dishwashing liquid • Floor cleaner • Handsoap • Tissue roll • Toilet broom
Beras • Gula • Tepung • Telor • Makanan dalam tin • Roti / Biskut • Minuman campur
Buah dalam tin • Ubi gentang • Minuman 3 in 1 • Toiletries

Pemeriksaan rambang berjaya selesaikan kes curi



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

KUALA BELAIT, Sabtu, 18 April. - Rondaan dan pemantauan rutin keanggotaan Balai Polis Kuala Belait, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) di kawasan Pandan 4 Kuala Belait berhasil menahan seorang lelaki yang mencurigakan (suspek) serta membawa kepada penyelesaian satu kes jenayah iaitu curi.

Semasa penahanan dan pemeriksaan ke atas suspek tersebut, turut ditemukan bersama beberapa jenis barangan yang bernilai seperti telefon bimbit, mata wang asing, barangan kemas dan lain-lain lagi tanpa ada penjelasan yang nyata terhadap barang-barang ditemukan.

Dengan penahanan lelaki itu setara dengan laporan yang diterima dari Balai Polis Kuala Belait berkaitan dengan aduan curi yang melibatkan kehilangan

beberapa barangan bernilai yang berlaku pada 15 April 2020 di kawasan rumah kediaman di Pandan 2 Kuala Belait.

Menerusi siasatan yang dijalankan mendapati telefon bimbit dan barangan lain yang diperoleh daripada suspek adalah kepunyaan mangsa. Kesemua barangan penemuan dirampas bagi dijadikan bahan bukti untuk kertas penyiasatan.

Suspek bernama Muhammad Suhaimi bin Sufri, berumur 26 tahun dan tidak mempunyai sebarang pekerjaan. Pada hari ini, 18 April 2020, suspek dihadapkan ke Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan bagi berdepan dengan satu pertuduhan di bawah Seksyen 380, Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 iaitu curi dalam bangunan.

Tertuduh tidak mengaku bersalah dan pihak mahkamah memutuskan terhadap tertuduh untuk direman di Penjara Maraburong bagi sebutan kes pada 2 Mei 2020.

PPDB mengingatkan orang ramai agar berhati-hati apabila berada di dalam rumah dan sentiasa memastikan pintu-pintu dan jendela-jendela rumah dalam keadaan berkunci bagi mengelakkan kejadian curi berlaku.

ANTARA mata wang asing dan barangan kemas yang diperoleh semasa penyiasatan terhadap suspek curi (kiri dan atas, kanan).

PENOLONG Penguasa Polis Percubaan (P/ASP), Pegawai Menguasa Balai Polis, Kuala Belait, Muhammad Ziyad bin Abdul Rahman.



PEMBELAJARAN DI RUMAH

UNTUK PELAJAR TAHUN 6 YANG AKAN MENDUDUKI PSR
MATA PELAJARAN M.I.B., BAHASA INGGERIS, MATEMATIK,
SAINS DAN BAHASA MELAYU.

SIARAN UTAMA DI RTB ANEKA
ISNIN HINGGA KHAMIS DAN SABTU
DARI JAM 8.30 PAGI HINGGA 11.00 PAGI

SIARAN ULANGAN DI RTB SUKMAINDERA
(BERMULA PADA ISNIN, 6th APRIL 2020)
ISNIN HINGGA KHAMIS DAN SABTU
PADA JAM 10.00 PAGI HINGGA 11.00 PAGI
& PADA JAM 1.30 PTG HINGGA 3.00 PTG

BOLEH DIKUTI MENERUSI VIDEO-ON-DEMAND (VOD) DI WWW.RTBGO.BN/VOD/



كمنترين كصيحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

LANGKAH-LANGKAH PENGAWALAN JANGKITAN DI TEMPAT KERJA KETIKA WABAK

Sebagai Majikan, Awda perlu:

- 1 AJAR PEKERJA MENGENAI JANGKITAN DAN CARA PENYEBARANNYA**

 - Berikan taklimat kepada pekerja awda atau sediakan maklumat kesihatan mengenai jangkitan dan cara pengawalan
 - Letakkan nasihat dan notis kesihatan di tempat-tempat bersesuaian di sekitar pejabat awda
- 2 GALAKKAN PEKERJA AWDA UNTUK MENGAMALKAN KEBERSIHAN**

 - Jangan meludah di atas lantai atau tanah
 - Sentiasa mencuci tangan dengan bersih menggunakan sabun dan air
 - Amalkan etika batuk atau bersin
 - Elakkan berkongsi barangan peribadi seperti peralatan makanan dan minuman, dll dengan orang yang dijangkiti
- 3 NASIHAT PEKERJA AWDA UNTUK TIDAK DATANG BEKERJA DAN BERJUMPA DENGAN DOKTOR JIKA MERASA KURANG SIHAT**
- 4 LAKSANAKAN PEMERIKSAAN SUHU BADAN DAN PANTAU PEKERJA YANG MEMPUNYAI SIMPTOM**

 - Pekerja yang kurang sihat perlu berjumpa doktor dengan segera
- 5 PEKERJA YANG DIKUANTIN (MENJALANI PENGASINGAN DIRI)**

 - Pekerja yang mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan yang terjejas atau pernah berhubung dengan orang yang dijangkiti perlu di kuarantin (menjalani pengasingan diri) di rumah
 - Jika ia mula menghadapi simptom, nasihatkan beliau untuk mendapatkan rawatan dengan segera
 - Nasihatkan pekerja awda untuk tidak hadir bekerja
 - Periksa status kesihatan pekerja awda melalui telefon semasa ketiadaan beliau
 - Pastikan pekerja awda telah melengkap tempoh kuarantin (pengasingan diri) dan berasa sihat sebelum membenarkan mereka kembali bekerja



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohamad Khairul Shahrul bin Haji Duahim (dua, kanan) turut hadir bagi sama-sama menjayakan kempen berkenaan, di mana turut dihadiri oleh Penolong Pegawai Daerah Temburong, pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah Temburong.

TEMBURONG, Sabtu, 18 April. - Dalam usaha mempertingkatkan lagi langkah-langkah kewaspadaan dan membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam dan demi kesejahteraan, keselamatan orang awam serta berpandukan kepada nasihat Kementerian Kesihatan; Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) melalui Jabatan-jabatan Bandaran dan Jabatan-jabatan Daerah mengadakan Kempen Pembersihan Premis Pasar / Gerai / Tamu di seluruh negara bermula 15 April 2020.

Kempen Pembersihan Premis Pasar / Gerai / Tamu di seluruh negara ini melibatkan semua pasar, gerai dan tamu di bawah kawalan Jabatan-jabatan Daerah dan Jabatan-jabatan Bandaran di semua daerah.

Kempen Pembersihan ini dianjurkan bersama oleh

Jabatan-jabatan Daerah dan Jabatan-jabatan Bandaran, dengan penglibatan dari Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) serta sukarelawan.

Para peniaga pasar / gerai / tamu dinasihatkan agar memberikan kerjasama dan mengikut arahan yang diberikan dalam memastikan kempen pembersihan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Kempen berkenaan adalah salah satu inisiatif KHEDN dalam memastikan persekitaran yang bersih dan selamat.

Saranan dari Kementerian Kesihatan menyeru supaya penjagaan kebersihan sepanjang masa juga menjadi sandaran untuk kempen ini dilaksanakan. Di Daerah Temburong, kempen kebersihan diadakan di tiga buah tempat, iaitu di Pasar Pedaging dan Sayur, Tamu Aneka Temburong dan Tamu Sementara Temburong.

Kempen pembersihan gerai, tamu di Daerah Temburong

Hadir semasa Kempen Kebersihan itu diadakan, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Mohamad Khairul Shahrul bin Haji Duahim; Penolong Pegawai Daerah Temburong, pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah Temburong.

Kempen Pembersihan yang dijalankan secara sepadu daripada pelbagai agensi Jabatan Daerah Temburong, NDMC, Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi (JASTRe), Jabatan Kerja Raya (JKR), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), JBP dan para sukarelawan.

Kempen Pembersihan ini bertujuan untuk memastikan gerai tersebut berkeadaan bersih dan selamat digunakan oleh para peniaga dan pengunjung sebagai salah satu langkah pencegahan penularan penyakit-penyakit berjangkit, terutama Jangkitan Wabak COVID-19 yang sedang melanda negara pada masa ini.

Dalam masa yang sama, ia juga bertujuan untuk memastikan penjaja-penjaja di kawasan tersebut turut sama menjaga kebersihan petak jualan masing-masing dan sekitar kawasan gerai.

Dengan adanya Kempen Pembersihan ini, ia diharapkan dapat memberi kesedaran kepada masyarakat setempat, terutama penjaja-penjaja dan pengunjung akan pentingnya bagi sama-sama menjaga kebersihan dan seterusnya akan dapat membudayakan amalan menjaga

Berita dan Foto :
Muhammad Akmal Haji Ali

kebersihan.

Selain itu, kempen ini juga bertujuan untuk menjadikan kawasan gerai menjadi lebih

bersih, indah, ceria dan bebas dari tempat-tempat pembiakan nyamuk serta bebas daripada sebarang jangkitan penyakit.



PASUKAN Jabatan Bomba dan Penyelamat semasa melakukan Kempen Pembersihan di kawasan Pasar Pedaging dan Sayur di Kompleks Utama Bumiputera.

COVID-19


PREMIS-PREMIS MAKANAN TIDAK DIBENARKAN UNTUK MENYAJIKAN MAKANAN KECUALI PEMBELIAN DIBAWA PULANG

JIKA INGGAR



SABIT KESALAHAN TINDAKAN DENDA SEHINGGA \$10,000 DAN PENJARA SELAMA TEMPOH 6 BULAN ATAU KEDUA-DUANYA SEKALI

Sorry...

TEMPORARILY CLOSED



PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI

 @upa.ppdb
 www.police.gov.bn



TALIAN NASIHAT KESIHATAN

148



powered by:
imagine what'snext

WAKTU OPERASI BARU

7:00-11:00

pagi malam

BERMULA 16 APRIL 2020

دعاء موهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ حَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ آخَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَائِكَةِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقَنَا شَرَّ الرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمَّا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempatan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. **وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ** Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعُقَدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقَضٰى بِهٖ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْاِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِىْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَاَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلٰىَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِىْ، فَاَغْفِرْ لِىْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباحوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

(3) بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2) اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1) حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir (aurat) ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5) يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4) وَاُفْوِضْ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

**PERATURAN 7(A)
BILANGAN IKLAN 29/04/20 (SPA/BIKL)**

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN: 20 APRIL 2020
TARIKH TUTUP: 18 MEI 2020**

**1. PENOLONG PEGAWAI UGAMA
C.3-4 EB.5
BAHAGIAN III
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
KEKOSONGAN = TIGA (03)
2020/0015/06**

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan Quicklinks dan FAQ's di www.recruitment.gov.bn

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temu duga hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel query@spa.gov.bn



JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI



'SUPPLY, INSTALL, COMMISSIONING & TESTING OF TELEPHONE CABLE AT AIRPORT MAINTENANCE BUILDING, BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT'.

Bilangan Sebut harga :
ATELS / 2020 / SH-02 (R)

Tarikh tutup tawaran :
Rabu, 29 April 2020



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN
AWAM



TAWARAN BILANGAN :
SPA / BPK / 1 / 2020

KERJA-KERJA PEMELIHARAAN
KEBERSIHAN DALAM DAN KAWASAN
PERSEKITARAN LUAR
BANGUNAN SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM
SELAMA 1 TAHUN

TARIKH TUTUP :
SELASA, 28 APRIL 2020
JAM 10.00 PAGI



OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM (OBBD)
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



BILANGAN TAWARAN :
KKBS / OBBD / F-004 (04-2020)

TAJUK TAWARAN :
MEMBEKAL PERALATAN /
PERKAKAS KEGIATAN AIR BAGI
MENGENDALIKAN KEGIATAN /
AKTIVITI DI OUTWARD BOUND
BRUNEI DARUSSALAM (OBBD),
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

BILANGAN TAWARAN :
KKBS / OBBD / F-004 (05-2020)

TAJUK TAWARAN :
MEMBEKAL PERALATAN /

PERKAKAS KEGIATAN DARAT
BAGI MENGENDALIKAN
KEGIATAN / AKTIVITI DI
OUTWARD BOUND BRUNEI
DARUSSALAM (OBBD),
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

BILANGAN TAWARAN :
KKBS / OBBD / F-004 (06-2020)

TAJUK TAWARAN :
MEMBEKAL PERALATAN /
PERKAKAS KESELAMATAN /
PPE (PERSONAL PROTECTIVE
EQUIPMENT) BAGI
MENGENDALIKAN KEGIATAN /

AKTIVITI DI OUTWARD BOUND
BRUNEI DARUSSALAM (OBBD),
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

TARIKH TUTUP TAWARAN :
23 APRIL 2020 (KHAMIS)
JAM 2.00 PETANG



JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN

JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN

DEPARTMENT
Tarikh Tutup Tawaran :
30 April 2020, jam 2.00 petang

Yuran Tawaran :
BND 5.00 (tidak dikembalikan)



1. Bilangan Tawaran :
JKP / SH / 2020-2021 / 1
Tajuk Tawaran :
TO SUPPLY, INSTALLATION,
SUPPORT AND MAINTENANCE OF
HEAVY DUTY PRINTER AND SUPPLY
TONER AND INK CATRIDGES FOR
TWO (2) YEARS FOR TOURISM
DEVELOPMENT DEPARTMENT

2. Bilangan Tawaran :
JKP / SH / 2020-2021 / 4
Tajuk Tawaran :
TO SUPPLY AND DELIVER TONER
AND INK CATRIDGES FOR ONE (1)
YEAR FOR TOURISM DEVELOPMENT



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO. :
JPPK / LTK / 10 / 2020

SELASA, 12 MEI 2020,
TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG

TAJUK TAWARAN :
REFURBISHMENT OF MAIN WATER
PIPELINE AND ASSOCIATED WORK
FOR MUARA CAMP

BAYARAN TAWARAN :
BND100.00 (tidak dikembalikan)

KELAS : IV & KE ATAS SAHAJA

KATEGORI : KA01 dan KPB15

TEMPOH PENYIAPAN :
DUA BELAS (12) BULAN

TARIKH TUTUP :



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO. :
JPPK / LTK / 14/ 2020

KELAS : III & KE ATAS

TAJUK TAWARAN :
FEASIBILITY STUDY ON ENERGY
EFFICIENCY AT DEFENCE
ACADEMY, KG. TANAH JAMBU
AND LUMUT CAMP

BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)

KELAS : III & KE ATAS

KATEGORI :
QUALIFIED ENERGY MANAGERS
OR ACCREDITED ENERGY SERVICE
COMPANY

TAWARAN NO. :
JPPK / LTK / 04/ 2020 (A)

TAJUK TAWARAN :
REMEDIAL WORKS TO OIL PIPING
LINE AND MECHANICAL SYSTEM AT
POL ALPHA AND ALONG JETTY
ALPHA, ROYAL BRUNEI
NAVAL BASE, MUARA

BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)



JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

NOTIS SEBUT HARGA

Bilangan Tawaran :
JAIN / 24 / 1983-2020 (01)

Tajuk Tawaran :
Membekal Bendera Panjang

Bilangan Tawaran :
JAIN / 24 / 1983-2020 (02)

Tajuk Tawaran :
Pembekalan Bendera
Negara Brunei Darussalam

Tarikh tutup / jam :
28 April 2020 - Selasa (9.00 Pagi)

Bilangan Tawaran :
JAIN / 61 / 1968-2020 (01)

Tajuk Tawaran :
Membaiki atau Membekal, Menghantar,

Memasang dan Menguji Sistem
Keselamatan, Perlindungan dan
Pencegahan Kebakaran

Tarikh tutup / jam :
12 Mei 2020 - Selasa (9.00 Pagi)



JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI



1. TAWARAN BILANGAN
JDBM / Q / 19 / 2020

TAWARAN
PEMELIHARAAN HAWA DINGIN
BAGI TEMPOH SATU TAHUN
BERTEMPAT DEWAN MUHIBBAH,
JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA,
LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS,

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

2. TAWARAN BILANGAN
JDBM / Q / 20 / 2020

TAWARAN
PEMELIHARAAN HAWA
DINGIN BAGI TEMPOH SATU
TAHUN BERTEMPAT DEWAN-DEWAN
KEMASYARAKATAN BAGI ZON 1
DAN ZON 2, JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

3. TAWARAN BILANGAN
JDBM / Q / 21 / 2020

TAWARAN
PEMELIHARAAN HAWA
DINGIN BAGI TEMPOH SATU
TAHUN BERTEMPAT DEWAN-DEWAN
KEMASYARAKATAN
BAGI ZON 3 DAN ZON 4,
JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

4. TAWARAN BILANGAN

JDBM / Q / 22 / 2020

TAWARAN
DESLUDGING OF SEPTIC TANK
AND UNBLOCKING OF MANHOLES
AND GULLY TRAP FOR ALL
ZONE 1 GERAI FOR
THE PERIOD OF ONE (1) YEAR

5. TAWARAN BILANGAN
JDBM / Q / 23 / 2020

TAWARAN
DESLUDGING OF SEPTIC TANK AND
UNBLOCKING OF MANHOLES AND
GULLY TRAP FOR ALL ZONE 2 GERAI
FOR THE PERIOD OF ONE (1) YEAR

6. TAWARAN BILANGAN
JDBM / Q / 24 / 2020

TAWARAN
DESLUDGING OF SEPTIC TANK AND
UNBLOCKING OF MANHOLES AND
GULLY TRAP FOR ALL ZONE 2
DEWAN FOR THE PERIOD
OF ONE (1) YEAR

7. TAWARAN BILANGAN
JDBM / Q / 25 / 2020

TAWARAN
MEMBEKAL DAN MEMASANG
KAWALAN TIKUS

BAGI TEMPOH SATU TAHUN
BERTEMPAT BANGUNAN LAMA
DAN BAHARU JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA SERTA
DEWAN MUHIBBAH,
LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

8. TAWARAN BILANGAN
JDBM / Q / 26 / 2020

TAWARAN
MEMBEKAL DAN MEMASANG
KAWALAN TIKUS BAGI TEMPOH
SATU TAHUN BERTEMPAT
CAWANGAN BENGKEL,
JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

9. TAWARAN BILANGAN
JDBM / Q / 27 / 2020

TAWARAN
MEMBEKAL DAN MEMASANG
SILING TEMPAT LETAK KERETA
BANGUNAN LAMA, JABATAN
DAERAH BRUNEI DAN MUARA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH TUTUP :
TIDAK LEWAT SELASA, 28 APRIL 2020,
JAM 12.00 TENGAH HARI



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR**

Tarikh tutup :
6 Mei 2020 (Rabu)

Bil. Tawaran :
KHEDN / BPE / Q1028 / 2020

Tajuk Projek :
TO PERFORM WORKS OF
REPLACEMENT
INSTALLATION,
REPROGRAMMING,
TERMINATION, TESTING
AND COMMISSIONING OF
GENT ADDRESSABLE FIRE
ALARM SYSTEM AT MINISTRY
OF HOME AFFAIRS BUILDING

Bilangan Projek :

KHEDN / BPE / Q1028 / 2020

Yuran Tawaran :
Tidak dikenakan bayaran



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO. :
JPPK / LTK / 09 / 2020

TAJUK TAWARAN :
ONE (1) YEAR TERM CONTRACT FOR
MAINTENANCE AND REPAIR OF
STANDBY GENERATOR SET,
COMPOUND, STREET, FENCING
SECURITY LIGHTING & HELIPAD /
AVIATION LIGHTING SYSTEM,
WITH MINOR MECHANICAL
& ELECTRICAL WORKS
FOR BERAKAS GARRISON

BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)

KELAS : III & KE ATAS

KATEGORI : E01 dan E02

TEMPOH PENYIAPAN :
SATU (1) TAHUN

TARIKH TUTUP :
SELASA, 12 MEI 2020,
TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

BIL. TAWARAN :
UBD / ES / 001 / 2020

KETERANGAN :
TAWARAN PERKHIDMATAN
KANTIN DI KOLEJ KEDIAMAN
SISWA, UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM
(BAGI TEMPOH 3 TAHUN)

**BAYARAN DOKUMEN
DAN PENTADBIRAN :**
BND50.00 (tidak dikembalikan)

TARIKH TUTUP :
SELASA, 21 APRIL 2020,
TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN TENAGA

**JEMPUTAN UNTUK MEMBERI
TAWARAN**

BILANGAN TAWARAN :
JPE / LTK / PSP / 004 / 2020

TAJUK TAWARAN :
PROPOSED PANAGA S/S - SETIA
DIRAJA S/S KUALA BELAIT
(132/66KV) OVERHEAD TRANSMISSION
LINE, BELAIT

TARIKH TUTUP :
5 MEI 2020 / SELASA
(JAM 2.00 PETANG)

YURAN TAWARAN :
BND500.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN



**PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0021 / 2020

TAJUK SEBUT HARGA :
"SUPPLY AND DELIVERY OF IQ
REAL PCR REAGENTS FOR THE
QUANTIFICATION OF
SHRIMP DISEASES"

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0022 / 2020

TAJUK SEBUT HARGA :
"SUPPLY AND DELIVERY OF IQ2000
REAGENTS FOR THE DETECTION OF
SHRIMP VIRUSES"

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0023 / 2020

TAJUK SEBUT HARGA :
"SUPPLY AND DELIVERY OF
EPENDORF TIPS AND TUBE
FOR PCR ACTIVITIES"

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0024 / 2020

TAJUK SEBUT HARGA :
"SUPPLY AND DELIVERY
CONSUMABLE ITEM FOR PCR
ACTIVITIES"

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0025 / 2020

TAJUK SEBUT HARGA :
"SUPPLY AND DELIVERY OF PCR
REAGENTS FOR THE DETECTION
OF FISH VIRUSES"

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0026 / 2020

TAJUK SEBUT HARGA :

**"SUPPLY AND DELIVERY OF
EXTRACTION REAGENT
AND AGAROSE"**

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0027 / 2020

TAJUK SEBUT HARGA :
"SUPPLY AND DELIVERY OF
CHEMICALS AND REAGENTS
FOR WATER QUALITY ANALYSIS"

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0028 / 2020

TAJUK SEBUT HARGA :
"TO SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION, TESTING AND
COMMISSIONING OF TISSUE
STAINER COMPLETE WITH ALL
ACCESSORIES AND
MATERIAL TO ENSURE THE
WORKABILITY OF THE EQUIPMENT
AND USER SAFETY"

TARIKH TUTUP SEBUT HARGA :
ISNIN, 4 MEI 2020

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0029 / 2020

TAJUK SEBUT HARGA :
"SUPPLY AND DELIVERY OF
AUTOCLAVE MACHINE"

TARIKH TUTUP SEBUT HARGA :
ISNIN, 27 APRIL 2020



JABATAN KAJICUACA BRUNEI
DARUSSALAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI



1. THE TWO YEARS (24 MONTHS)
TERM CONTRACT FOR SUPPLY AND
DELIVER OF HYDROGEN GAS
TO BMD

2. THE TWO YEARS (24 MONTHS)
TERM CONTRACT FOR CLEANING
BMD BUILDING AT BLOCK B23,
ANGGEREK DESA FLAT,
SIMPANG 32-37,
KG. ANGGEREK DESA, BB3713
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH TUTUP :
RABU, 6 MEI 2020,
SEBELUM JAM 2.00 PETANG

NASIHAT BAGI PENGHIDAP PENYAKIT KRONIK SEMASA WABAK COVID-19



- Patuhi pengambilan ubat awda seperti yang diarahkan.
- Pastikan awda mempunyai bekalan ubat-ubatan yang mencukupi. Sekiranya awda memerlukan penghantaran ubat, awda boleh menggunakan Go Rush Brunei.

GORUSH



- Patuhi nasihat doktor untuk mengawal penyakit awda.
- Terus menjaga kesihatan awda dengan mengamalkan gaya hidup sihat.
- Jika awda mempunyai temujanji di hospital atau pusat kesihatan, sila pastikan awda mengesahkannya dan menghadiri temujanji tersebut. Sila pastikan awda menjalani rawatan (seperti dialisis atau kemoterapi) yang telah diarahkan.
- Pastikan telah mendapatkan suntikan vaksin terkini, jika perlu.



- Elakkan mendampingi mereka yang sakit. Jika penjaga awda kurang sihat, digalakkan untuk menjauhkan diri daripada awda dan mendapatkan ahli keluarga atau rakan lain untuk membantu awda.
- Sentiasa mencuci tangan dengan menggunakan sabun dan air atau gel pembersih tangan beralkohol (*Hand sanitiser*).
- Amalkan etika batuk atau bersin.
- Gunakan pembasmi kuman untuk membersihkan permukaan dan barangan di rumah.



- Hadkan perhimpunan sosial. Jangan luangkan masa yang terlalu lama di tempat yang sesak.
- Hadkan pelawat kepada orang yang sihat sahaja dan amalkan penjarakan sosial / fizikal.

Pesakit yang menghidapi penyakit-penyakit kronik seperti berikut adalah kumpulan yang lebih berisiko untuk dijangkiti COVID-19:

- ✦ Penyakit Jantung ✦ Tekanan Darah Tinggi ✦ Strok ✦ Kanser ✦ Diabetis ✦ Perokok
- ✦ Penyakit Hati Kronik ✦ Penyakit Kronik Paru-Paru (*termasuk Asma, Emfisema atau Bronkitis*)
- ✦ Penyakit Buah Pinggang Kronik ✦ Penyakit Neurologi Kronik ✦ Obesiti dengan BMI 40 atau lebih
- ✦ Mereka yang mempunyai sistem daya tahan badan yang lemah akibat penyakit seperti AIDS atau penggunaan ubat steroid berpanjangan atau kemoterapi

Untuk sebarang maklumat dan pertanyaan, sila hubungi
 TALIAN NASIHAT KESIHATAN (HAL) 148.

Langkah-Langkah Semasa Penutupan Sementara Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara Brunei Darussalam Bagi Membendung Penularan Wabak COVID-19



Sepanjang penutupan sementara ini, **Pegawai Masjid dan Kakitangan Masjid** akan;



- 01** Bertugas seperti biasa dan melaungkan Azan bagi menandakan waktu-waktu sembahyang
- 02** Membaca ayat-ayat al-Quran, zikir dan doanya sebelum dan sesudah sembahyang dan akan dikumandangkan melalui pembesar suara, mengikut kesesuaiannya bagi menghidupkan suasana masjid sebagai Syiar Islam dan umat Islam khasnya di kawasan-kawasan tadahannya
- 03** Membuat pembersihan berterusan di tempat-tempat yang sering dipegang seperti tombol-tombol pintu, rak-rak kitab al-Quran, buku Yaasin dan lain-lain
- 04** Sentiasa membersihkan tandas dan tempat-tempat berwudhu
- 05** Sentiasa memvakum dan membersihkan karpét/ tikar-tikar sembahyang
- 06** Memastikan pencuci tangan dan 'hand sanitizer' disediakan di dewan sembahyang/ tandas/ tempat berwudhu
- 07** Dalam tempoh penutupan ini, kerja-kerja pembersihan dan pembasmian kuman (Disinfection) di masjid-masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara akan terus diusahakan melalui syarikat-syarikat yang berkenaan

Manakala bagi jemaah dan orang ramai, diminta untuk;



- ✓ Bersabar dan mematuhi arahan penutupan sementara
- ✓ Mematuhi semua arahan pihak-pihak berkuasa sambil tetap berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala bagi memohon perlindunganNya
- ✓ Bersama-sama mengambil kesempatan untuk mula melakukan atau meneruskan bahkan meningkatkan lagi amal ibadat khasnya sembahyang berjemaah bersama ahli keluarga serumah disertai juga dengan beristighfar memohon ampun kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas kesenghajaan atau keterlanjuran perbuatan yang menyalahi perintah dan laranganNya serta memohon maaf atas dosa yang dilakukan kepada sesama hamba Allah

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَائِرِ الْأَسْقَامِ

"Ya Allah, ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepadaMu daripada penyakit sopak, gila dan kusta serta daripada penyakit-penyakit yang buruk."



ديوان بهاس دان قوسنك بروني
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA BRUNEI
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Perkhidmatan Peminjaman Buku

Pinjam buku dari perpustakaan berdekatan dengan tiga langkah mudah

PILIH

Pilih buku yang akan dipinjam melalui portal ePerpustakaan

<https://www.librarybrunei.gov.bn/library/dbp/>

TEMPAH

Hubungi hotline 8266880 untuk menempah

AMBIL

Ambil buku yang telah ditempah di perpustakaan DBP yang dipilih



Untuk keterangan lanjut hubungi hotline perpustakaan melalui aplikasi whatsapp di talian +6738266880

FAQ (soalan-soalan lazim) berkaitan perkhidmatan perpustakaan semasa penutupan perpustakaan

<https://www.librarybrunei.gov.bn/library/soalan-soalan-lazim-mengenai-penutupan-sementara-perpustakaan-dewan-bahasa-dan-pustaka/>



کمنترین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Etika Batuk & Bersin

Cough & Sneeze Etiquette

1 Ketika hendak batuk atau bersin, palingkan muka awda daripada orang lain dan makanan yang berdekatan.
When you are about to cough or sneeze, keep your face away from others and any nearby food.

2 Tutup mulut dan hidung awda dengan tisu.
Cover your mouth and nose with tissue.

3 Segera buang bekas tisu ke dalam tong sampah yang bertutup.
Throw the used tissue away immediately into a closed bin.

4 Elakkan menyentuh muka, hidung atau mulut awda.
Avoid touching your face, nose or mouth.


5 Cuci tangan dengan sabun dan air yang bersih selama 40 saat ATAU gunakan gel pembersih tangan beralkohol selama 20 saat.
Wash hands with soap and clean water for 40 seconds OR use alcohol-based hand sanitiser for 20 seconds.

6 Jika awda mengalami demam, batuk dan selsema - jarakkan diri awda sekurang-kurangnya 1 meter dari orang lain ATAU gunakan penutup mulut dan hidung untuk melindungi orang sekeliling.
If you have a fever, cough and runny nose - keep yourself at least 1 metre away from other people OR wear surgical mask to protect others.



IMBASAN MINGGUAN

ANAK-ANAK masih tekun belajar walaupun mengikuti pembelajaran melalui *online*. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



SIKAP dermawan daripada para penderma darah boleh menyelamatkan nyawa pesakit yang memerlukan. - Foto : Azmah Haji Ahad.



PEMERIKSAAN suhu badan sebelum memasuki gedung-gedung perniagaan adalah sebagai langkah berjaga-jaga membendung penularan wabak. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

PEMAKAIAN penutup mulut dan hidung serta menjaga penjarakan sosial merupakan nasihat berterusan Kementerian Kesihatan sebagai langkah berwaspada menentang COVID-19. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

KEKALKAN kecergasan tubuh walaupun berada di rumah. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Jabatan Penerangan

Persiapan menjelang Ramadan

DALAM beberapa hari lagi, umat Islam di seluruh dunia akan menyempurnakan salah satu daripada Rukun Islam yang kelima iaitu berpuasa pada bulan Ramadan. Berpuasa maksudnya menahan diri daripada makan, minum dan perkara-perkara yang membatalkan puasa mulai dari terbit fajar sadiq hingga masuk matahari dengan niat dan syarat-syarat yang tertentu.

Menjelang bulan Ramadan ini, umat Islam disarankan untuk membuat persiapan dengan sebaik-baiknya, sama ada dari segi rohani mahupun jasmani, iaitu dengan melipatgandakan amal ibadah dan mengamalkan cara hidup yang sihat. Antara yang disarankan sebelum menjelangnya bulan Ramadan ialah dengan memperbanyakkan puasa sunat pada bulan Syaaban, menunaikan qada puasa dan membaca Al-Quran, bagi mempersiapkan diri pada bulan Ramadan nanti.

Dalam persiapan menjelang Ramadan juga, kita perlu menjaga kesihatan dari segi rohani dan jasmani. Kita perlu juga menjaga pemakanan dari awal lagi agar sudah bersedia apabila tiba bulan puasa.

Memperbanyakkan Doa dan Amalan

Berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala sudah menjadi kewajiban bagi umat Islam. Menjelang Ramadan ini, kita mestilah sentiasa berdoa dan

memohon ampun kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Selain berdoa, kita juga perlu memperbanyakkan amalan kebaikan. Kebaikan kecil dapat kita lakukan secara sederhana, bermula daripada memberikan makanan atau bersedekah wang ringgit.

Bertaubat

Bertaubat merupakan salah satu perbuatan yang perlu dilakukan sebelum datangnya bulan Ramadan. Manusia tentunya tidak luput daripada membuat kesalahan dan dosa. Maka dari itu, sudah menjadi kewajiban bagi kita untuk bertaubat dan meminta keampunan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan memohon keampunan-Nya, kita akan mendapat ketenangan rohani sehingga akan lebih lancar dalam menjalankan ibadah puasa nanti. Bertaubat dalam hal ini bukan hanya dalam lisan, namun juga harus dibuktikan dengan perbuatan.

Menguatkan Niat

Ibadah yang sempurna adalah ibadah dengan ikhlas dan tulus. Sebelum kedatangan bulan Ramadan, kita perlu memantapkan niat untuk menjalankan ibadah puasa dengan ikhlas dan hanya untuk mencari keredhaan Allah semata, tanpa ada niat yang lain. Tumpukan tujuan

ibadah hanya untuk menghadap Allah Subhanahu Wata'ala.

Lakukan Ibadah Sunat Sebanyak Mungkin

Selain itu, kita perlu mempersiapkan diri dengan memperbanyakkan ibadah sunat, iaitu dengan mengerjakan solat sunat atau puasa sunat. Contohnya, berpuasa pada Isnin dan Khamis dapat melatih diri agar nanti kita dapat menjalani ibadah puasa dengan baik dan sempurna.

Memperbanyakkan Membaca Al-Quran

Membaca Al-Quran tidak hanya akan melipatgandakan pahala serta kebaikan, tetapi juga mendatangkan ketenangan hati dan fikiran. Dengan itu, kita dapat menyambut kedatangan bulan puasa dengan hati dan fikiran yang lebih baik.

Memperdalam Ilmu Agama

Persiapan lain yang dapat dilakukan menuju datangnya awal puasa Ramadan adalah dengan membaca dan mempelajari ilmu agama dengan lebih dalam. Luangkan waktu seketika untuk menimba ilmu agama sehingga kita dapat lebih memahami makna dan keutamaan daripada ibadah yang kita kerjakan. Dengan mengetahuinya, kita akan menjadi lebih bersemangat

untuk melakukan ibadah dengan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

Membayar Puasa Sebelumnya

Sebelum memasuki awal puasa Ramadan, kita diwajibkan untuk mengganti (qada) hutang puasa pada Ramadan sebelumnya. Puasa yang ditinggalkan pada bulan Ramadan wajib diganti, kecuali bagi orang lanjut usia yang boleh menggantinya dengan membayar fidyah. Terdapat beberapa golongan yang diberi keringanan untuk tidak berpuasa pada Ramadan iaitu orang yang sakit, musafir dan wanita yang sedang haid dan nifas. Ketiga-tiga golongan tersebut harus membayar puasa Ramadan yang mereka tinggalkan.

Demikianlah beberapa perkara untuk kita mempersiapkan diri bagi menyambut kedatangan Ramadan. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala mempertemukan kita dengan Ramadan yang bakal menjelang beberapa hari sahaja lagi. Mudah-mudahan dengan tibanya Ramadan pada tahun ini, kita akan dapat melaksanakan dan melipatgandakan amal ibadah dengan sempurna dan diterima, serta mendapat ganjaran dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.





Lima negara Arab catat peningkatan kes COVID-19

ISTANBUL, 19 April. - Lima negara Arab melaporkan peningkatan kes COVID-19 dalam tempoh 24 jam lalu, kata pihak berkuasa pada Ahad, lapor agensi berita Anadolu.

Di Algeria, 116 kes baharu dicatatkan menjadikan keseluruhan 2,534 manakala 894 pesakit sembuh. Tiga lagi kematian dilaporkan, keseluruhan berjumlah 367 orang.

Di Mesir, 19 kematian lagi dilaporkan, keseluruhan berjumlah

224 dengan 3,032 kes jangkitan.

Dua kematian dilaporkan di Maghribi, merekodkan korban setakat ini seramai 137 orang, manakala jumlah kes jangkitan 2,685.

Di Iraq tambahan satu kematian menjadikan keseluruhan 82 orang dan 1,513 kes.

Sementara di Jordan kes positif

meningkat kepada 423, tambahan sebanyak enam lagi kes.

Sejak pertama kali dikesan di China Disember lalu, COVID-19 telah mengancam sekurang-kurangnya 185 negara serta wilayah di dunia, menyaksikan Eropah dan Amerika Syarikat paling teruk terjejas. - ©BERNAMA

PKP : Kadar kemalangan jalan raya menurun 70 peratus - Bukit Aman

KUALA LUMPUR, 19 April. - Kadar kemalangan jalan raya menurun hampir 70 peratus sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa satu dan dua, yang dilaksanakan sejak 18 Mac lalu.

Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Bukit Aman Datuk Azisman Alias berkata, sebanyak 10,382 kes kemalangan direkodkan di seluruh negara dalam tempoh PKP yang masuk hari ke-32 hari ini.

Katanya, daripada jumlah keseluruhan itu, sebanyak 130 kemalangan maut membabitkan 145 kematian dicatat sehingga 14 April, manakala purata kemalangan ketika PKP fasa satu dan dua adalah sebanyak 370 kemalangan sehari.

"Trend ini menunjukkan

penurunan hampir 70 peratus yang mana sebelum pelaksanaan PKP, polis merekodkan sebanyak 1,500 kes kemalangan setiap hari dengan 16 hingga 17 maut dicatatkan.

"Dengan pelaksanaan PKP, trend kemalangan maut menunjukkan penurunan antara empat hingga lima kemalangan maut dicatatkan setiap hari," katanya dalam sidang media khas di Bukit Aman, di sini, hari ini.

Menurut Azisman, sebanyak 80 peratus daripada jumlah kemalangan maut yang dicatatkan semasa PKP fasa satu dan dua, adalah membabitkan penunggang motosikal.

Sementara itu, mengenai persiapan polis menghadapi bulan Ramadan tidak lama lagi, Azisman berkata pihaknya masih meneliti beberapa perkara berkaitan dalam



KUALA LUMPUR, 19 April. - Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Bukit Aman Datuk Azisman Alias pada sidang media Trend Aliran Trafik sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman hari ini. - ©BERNAMA

pelaksanaan arahan PKP serta bergantung kepada pengumuman dan polisi kerajaan.

"Untuk pihak saya, adalah lebih baik jika bilangan kenderaan atas jalan raya kurang, dan apabila diumumkan bahawa tiada bazar Ramadan, maka ia lebih baik.

"Kalau tidak, wabak COVID-19 ini tidak dapat diputuskan rantaianya, (dan) ini akan memeningkan polis trafik dengan kenderaan yang banyak di tempat meletak kenderaan di tepi jalan berdekatan bazar," katanya. - ©BERNAMA

KUFC bincang gaji pemain selepas PKP tamat

PASIR MAS, 19 April. - Kelab (KUFC) akan berbincang dengan pemain berhubung pembayaran

gaji sekiranya penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilanjutkan bagi tempoh yang lama.

Presidennya, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata setakat ini pihaknya masih membayar penuh gaji pemain seperti terkandung dalam kontrak.

"Sekiranya tempoh PKP berterusan, kita mungkin melihat semula soal gaji pemain. Kita akan membuat penilaian secara keseluruhan termasuk dari segi kewangan persatuan... kita akan berbincang dengan pemain dan jurulatih sebelum keputusan dibuat.

"Setakat ini tiada pemotongan gaji pemain dan barisan jurulatih walaupun saingan Liga Malaysia (Liga-M) ditangguhkan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Kutipan Hasil Projek Kelompok Pemulihan Tanah Terbiar di Kampung Slow Terliar, Pasir Mas, di sini, hari ini.

Sebelum ini, Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan Liga Bola Sepak Malaysia (MFL) mengambil keputusan menangguhkan perjalanan Liga-M yang bermula penghujung

COVID-19 : Thailand catat kematian sifar dua hari berturut-turut

BANGKOK, 19 April. - Thailand telah mencatat 32 kes baharu COVID-19 hari ini dan kematian sifar selama dua hari berturut-turut menjadikan jumlah keseluruhan jangkitan setakat ini ialah 2,765 manakala angka korban kekal 47 orang.

Jurucakap Pusat Pentadbiran Situasi COVID-19 (CCSA) Thaweesilp Wissanuyothin berkata 141 pesakit sembuh dan kembali ke rumah masing-masing menjadikan jumlah keseluruhan mereka yang didiscaj dari hospital setakat ini ialah 1,928 orang manakala 790 lagi masih menerima rawatan.

Beliau berkata sembilan wilayah di Thailand kekal bebas jangkitan COVID-19.

"Sejumlah 33 wilayah tidak mencatat kes baharu COVID-19 dalam tempoh 14 hari lepas," katanya pada taklimat harian COVID-19 di sini hari ini.

Dari Januari hingga Mac, Thaweesilp berkata kira-kira 36 peratus kes COVID-19 dikaitkan dengan mereka yang kembali dari luar negara manakala 20 peratus adalah golongan yang berkunjung ke pusat hiburan.

Bagaimanapun, dari bulan Mac hingga April, beliau berkata 36 peratus kes baharu dikaitkan

dengan pesakit yang merupakan kontak rapat pesakit yang disahkan sebelum ini, kebanyakannya ahli keluarga manakala 14 peratus lagi adalah mereka yang melakukan perjalanan ke Thailand.

Memandangkan situasi di negara itu semakin pulih, ramai yang menggesa kerajaan menarik balik sekatan kerana Dekri Perintah Darurat akan berakhir pada 30 April.

Sesetengah pusat membeli-belah kini membuat persiapan untuk membuka semula dan kembali beroperasi seperti biasa.

Thaweesilp berkata Perdana Menteri General Prayuth Chan o-cha akan mempergunakan satu mesyuarat bagi membincangkan dan memutuskan perkara itu.

"Tidak pasti sama ada Perintah Darurat akan dilanjutkan atau sebaliknya, ia bergantung kepada penilaian dan tingkah laku rakyat," katanya.

Ketika ini, beliau berkata negara itu mencatat kira-kira 30 kes baharu setiap hari.

"Ia memuaskan bagaimanapun belum cukup baik... kami perlu mengekalkan jumlah kurang dari 10 kes positif baharu setiap hari," katanya. - ©BERNAMA

PKP : Negeri Sembilan tidak benarkan solat tarawih di surau dan masjid

SEREMBAN, 19 April. - Solat sunat tarawih di surau dan masjid di negeri ini, tidak dibenarkan sepanjang tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kata Mufti Negeri Sembilan Datuk Mohd Yusof Ahmad.

Katanya, keputusan tersebut dibuat berdasarkan keadaan semasa yang diputuskan kerajaan Persekutuan, bagi menangani penularan wabak COVID-19, di negara ini.

"Sepanjang tempoh PKP, solat tarawih secara berjemaah di surau dan masjid tidak dibenarkan, masyarakat digalakkan untuk melakukan solat sunat tarawih di rumah masing-masing bersama ahli keluarga sahaja.

"Sekiranya PKP tidak dilanjutkan, iaitu selepas 28 April ini, kita akan melihat kepada saranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN), sebelum keputusan lanjut dibuat kemudian," katanya di sini, hari ini.

Mohd Yusof berkata, orang ramai khususnya umat Islam masih boleh menjalankan ibadah solat tarawih di tempat masing-masing, dengan tidak mendedahkan diri mereka terhadap risiko penularan COVID-19.

Penguatkuasaan PKP sejak 18 Mac lepas bertujuan untuk memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19 di negara ini dengan fasa ketiga penguatkuasaannya bermula 15 hingga 28 April ini. - ©BERNAMA

Februari lepas, susulan penularan wabak COVID-19.

Mengulas lanjut, Che Abdullah, yang juga Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, berkata pihaknya sentiasa mendapatkan maklumat terkini berhubung status Liga-M bagi membuat perancangan selepas ini.

"Perkara itu penting kepada kami untuk melakukan

perancangan terutamanya dari segi kewangan kelab bagi membolehkan kelab membuat satu keputusan yang adil kepada semua pihak terlibat," katanya.

Selepas empat perlawanan sebelum liga ditangguhkan, KUFC berada di kedudukan kedua Liga Premier selepas mengumpul sembilan mata, hasil tiga kemenangan dan satu kekalahan. - ©BERNAMA

COVID-19 : Ratu Elizabeth II batal sambutan ulang tahun

LONDON, 19 April. - Ratu Elizabeth II tidak akan mengadakan perayaan khas sempena ulang tahunnya yang ke-94 disebabkan wabak COVID-19, lapor agensi berita Anadolu memetik media tempatan.

Baginda turut menitahkan acara tradisi tembakan penghormatan juga dibatalkan dan bendera negara tidak perlu dikibarkan di bangunan kerajaan jika ia boleh menimbulkan masalah.

Ia pertama kali Ratu Elizabeth II bertitah sedemikian selama 68 tahun pemerintahannya.

Baginda dan pewaris takhta Britain, Prince Charles diuji positif COVID-19 pada bulan lalu, tetapi telah sembuh.

Pada Sabtu, Jabatan Kesihatan Britain melaporkan jumlah kematian akibat virus itu di United Kingdom seramai 15,464 orang.

Sejak pertama kali dikesan di China Disember lalu, COVID-19 telah mengancam sekurang-kurangnya 185 negara serta wilayah di dunia, menyaksikan Eropah dan Amerika Syarikat paling teruk terjejas.

Wabak maut itu sudah meragut lebih 158,600 nyawa, dengan lebih 2.3 juta orang dijangkiti, menurut data Johns Hopkins University. - ©BERNAMA

Kempen membersihkan Pasar Pantai Jerudong



ePaper Pelita Brunei



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara turut menyertai Kempen Pembersihan di kawasan dan persekitaran Pasar Pantai Jerudong.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hamzah Mohidin

JERUDONG, Sabtu, 18 April. - Bagi usaha untuk mempertingkatkan lagi langkah-langkah kewaspadaan dan membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini, sekali gus menjaga kesejahteraan dan keselamatan masyarakat awam, dengan berpandukan kepada nasihat Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) melalui Jabatan-jabatan Bandaran dan Jabatan-jabatan Daerah mengadakan Kempen Pembersihan di kawasan dan persekitaran Pasar Pantai Jerudong.

Hadir menyertai kempen tersebut, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abd. Karim juga petugas-petugas dari Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) juga sukarelawan.

Kempen ini adalah salah satu inisiatif KHEDN dalam memastikan persekitaran yang bersih dan selamat semasa penularan jangkitan wabak COVID-19, sekali gus membuat persiapan menjelang musim bulan Ramadan yang akan tiba.

Inisiatif ini juga menyahut saranan Kementerian Kesihatan, di mana menyeru orang ramai, khususnya penduduk tempatan untuk sentiasa menjaga kebersihan sepanjang masa bagi membendung pelbagai lagi jenis penyakit berjangkit.

Projek Ikhlas 12.0 Menyulam Kasih Ramadan dapat sambutan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 April. - Projek Ikhlas 12.0 Menyulam Kasih Ramadan hari ini mendapat sambutan yang begitu menggalakkan daripada para dermawan yang sudi menghulurkan bantuan kepada mereka yang kurang berkemampuan.

Presiden Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Muhammad Suhaimi bin Haji Ibrahim ketika ditemu bual menjelaskan, sebanyak 110 sumbangan diterima berupa barangan keperluan asasi harian yang dikendalikan secara pandu lalu di pejabat persatuan berkenaan, di sini.

"Pihak persatuan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada syarikat-syarikat dan orang-orang persendirian yang menyumbang pada projek hari ini dan barang-barang tersebut akan diagih-agihkan dan diserahkan kepada keluarga-keluarga yang sangat memerlukan.

"Semoga semua penyumbang akan mendapat ganjaran dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala serta berkat daripada sumbangan ini, mudah-mudahan akan dapat mengangkat penularan wabak COVID-19 di negara ini," doanya.

Beliau juga menjelaskan, pihaknya mengagihkan sumbangan barang-barang berkenaan kepada seramai 80 keluarga yang mereka senaraikan di keempat-empat daerah.

Sejurus selesai penerimaan sumbangan, penyerahan diselajurkan kepada sebahagian keluarga di Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Temburong, serta pengagihan selebihnya akan diteruskan pada masa yang akan diumumkan nanti.

Penyerahan sebahagian sumbangan tersebut disempurnakan oleh Timbalan Presiden PBSM, Pengiran Dato Paduka Haji Md. Yussof bin Pengiran Haji Bahar.

Pihak persatuan juga melahirkan ucapan penghargaan terima kasih kepada 40 orang sukarelawan yang membantu dalam melancarkan lagi urusan dan kerja projek berjalan lancar.



TIMBALAN Presiden Persatuan Bulan Sabit Merah, Pengiran Dato Paduka Haji Md. Yussof bin Pengiran Haji Bahar (dua, kiri) menyerahkan sumbangan kepada penerima.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERSAMA BERJAGA-JAGA, TIDAK LEKA, PATUHI ARAHAN, NASIHAT SENTIASA

دتر بیتکن اوله جباتن قنراغن، جباتن فردان منتری دان دچیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نکارا برونی دار السلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam